



SIARAN AKHBAR

S.A. 2020/02/12 (HQ)

TNB SAHUT SERUAN KERAJAAN UNTUK TINGKATKAN LITERASI KEWANGAN

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyambut baik seruan kerajaan untuk meningkatkan tahap literasi kewangan rakyat menerusi penganjuran program pengurusan kewangan oleh Persatuan Wanita TNB (PELITAWANIS) bermula Selasa, 28 Januari 2020 di Kuala Lumpur.

Dalam program dua hari yang dianjurkan TNB dengan kerjasama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), seramai 300 ahli PELITAWANIS TNB yang terdiri daripada warga kerja wanita dan isteri warga kerja TNB memperoleh pendedahan berguna tentang pengurusan kewangan, sejajar dengan pelaksanaan Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023 yang diumumkan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada Julai tahun lalu.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, TNB menyokong penuh usaha untuk membangunkan masyarakat yang mampu membuat keputusan kewangan yang bijak.

“TNB komited terhadap pembangunan ekosistem rantaian operasi yang didirikan secara profesional berdasarkan prestasi dan merit, sekali gus mendukung kepelbagian dalam Syarikat.

“Usaha memperkasakan wanita menerusi literasi kewangan adalah satu pendekatan bagi mencapai matlamat ini, khususnya dalam jangka panjang. Oleh itu, TNB berbangga dapat menyokong wanita dalam ekosistemnya menerusi program anjuran PELITAWANIS,” kata Amir Hamzah.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan bengkel pengurusan kewangan Surihati Bijak Generasi Terdidik #DemiEsok. Turut hadir, Yang Dipertua PELITAWANIS TNB yang juga isteri Amir Hamzah, Datin Seri Aidah Abu; Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia, Abu Hassan Alshari Yahya; Pengerusi AKPK, Anuar Mohd Hassan; Ketua Pegawai Eksekutif AKPK, Azaddin Ngah Tasir dan pengurusan tertinggi TNB.

Dalam pada itu, Amir Hamzah menjelaskan, sebagai organisasi korporat yang memikul amanah dalam menggerakkan ekonomi negara, TNB berperanan penting menjadi pemangkin yang merapatkan jurang antara jantina (*gender*).

S.A. 2020/02/12 (HQ)

Jelas Amir, selama tujuh dekad penubuhan dan perkembangan TNB, ia telah berjaya melahirkan tenaga profesional dalam kalangan wanita menerusi Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan Yayasan Tenaga Nasional (YTN).

“Sehingga hujung tahun lalu, TNB sahaja (tidak termasuk anak syarikat) mempunyai lebih 5,500 kakitangan wanita dengan lebih 800 orang daripadanya adalah jurutera.

“Malah, TNB adalah organisasi pertama mempunyai jurutera wanita yang juga jurutera wanita tempatan pertama di negara ini,” katanya, merujuk kepada Maimunah Suleiman yang mula bertugas di Lembaga Letrik Negara pada 1964.

Pun begitu, jelas Amir Hamzah, TNB yakin masih ada lagi yang boleh dilakukan bagi memastikan wanita memiliki ruang secukupnya pada peringkat kepimpinan kanan syarikat utiliti itu.

“Saya yakin bahawa wanita di TNB mampu menjadi penggerak perubahan, lebih-lebih lagi ketika berdepan dengan cabaran yang bakal diperkenalkan dalam industri bekalan elektrik Malaysia.

Sementara itu, Aidah dalam ucapan penutupnya berharap ahli PELITAWANIS dapat memanfaatkan pengetahuan yang diperolehi daripada program dua hari tersebut.

“Melalui program ini, kita dibekalkan dengan pengetahuan kewangan supaya kita mampu menguruskan simpanan dan perbelanjaan, melabur dengan bijak dan meminjam dengan bertanggungjawab, sejajar dengan matlamat dan keadaan kewangan kita, termasuklah bagi tujuan persaraan,” katanya.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 4 Februari 2020, jam 10.00 pagi

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid di talian 013-3626923 /

Grace Tan di talian 016-6626229 / Nasir Aziz di talian 018-9434524

atau emel ke media@tnb.com.my



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan (lima dari kiri) dan isteri merangkap Yang Dipertua PELITAWANIS TNB, Datin Seri Aidah Abu (lima dari kanan), bergambar di hadapan gerai pameran Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) pada majlis perasmian bengkel pengurusan kewangan Surihati Bijak Generasi Terdidik #DemiEsok di Kuala Lumpur pada 28 Januari, 2020.

Turut hadir (dari kiri) Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman; Ketua Career Enhancement Management TNB, Datuk Ir. Abdul Aziz Abdul Majid; Ketua Pegawai Eksekutif AKPK, Azaddin Ngah Tasir; Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia, Abu Hassan Alshari Yahya; Pengurus Besar Operasi AKPK, Nor Fazleen Zakaria; Timbalan Yang Dipertua 2 PELITAWANIS TNB, Datin Wira Ungku Ashiela Ungku Hamzah; Timbalan Yang Dipertua 1 PELITAWANIS TNB, Datin Siti Laila Sri Asih S. Garieb; dan Ketua Jabatan Pendidikan Kewangan AKPK, Nor Akmar Yaakub.

S.A. 2020/02/12 (HQ)



Ahli PELITAWANIS TNB bergambar kenangan selepas majlis penutup bengkel pengurusan kewangan Surihati Bijak Generasi Terdidik #DemiEsok di Kuala Lumpur pada 29 Januari, 2020.